PENANG

16 - 30 NOVEMBER, 2026

PENANG 2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



Pulau Silikon pemangkin pertumbuhan ekonomi

BATU MAUNG – *Silicon Island* atau Pulau Silikon bukan sekadar projek penambakan laut, sebaliknya pemangkin strategik kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang untuk tempoh 50 tahun akan datang, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Beliau berkata, pembangunan Pulau Silikon bakal melengkapi kekuatan Bayan Lepas sebagai hab industri elektrik dan elektronik (E&E) serta semikonduktor yang telah berkembang selama lebih lima dekad.

"50 tahun lalu, Pulau Pinang mengambil langkah berani dalam industri semikonduktor.

"Kini, Pulau Silikon menandakan fasa seterusnya dalam aspirasi negeri dengan menyediakan ruang baharu untuk teknologi bernilai tinggi, pembungkusan semikonduktor termaju, penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk teknologi serta inovasi kecerdasan buatan (AI)," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Awal Pusat Informasi Silicon Island di sini pada 17 Oktober 2026 yang turut dihadiri barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB), Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB) dan lain-lain jemputan.



KETUA Menteri berlatarbelakangkan tapak pembangunan projek LRT Laluan Mutiara di Pulau Silikon ketika menghadiri Majlis Pelancaran Awal Pusat Informasi Silicon Island baru-baru ini.

Mengulas mengenai Pusat Informasi Silicon Island, Kon Yeow memberitahu bahawa ia menandakan satu lagi perkembangan penting dalam pelaksanaan projek tersebut yang mencatat kemajuan kerja penambakan apabila seluas 500 ekar berjaya ditambak setakat Oktober 2026, sejak kerja-kerja berkenaan bermula pada September 2023.

"Menerusi Rancangan Tempatan Pulau Silikon Pulau Pinang 2050, pembangunan yang dirancang sebagai ekosistem bersepadu ini merangkumi kawasan perindustrian berteknologi tinggi, kediaman, komersial dan ruang hijau, termasuk Taman Teknologi Hijau *(Green Tech Park)* seluas 700 ekar selaras Visi Penang2030.

"Aspek kelestarian kekal menjadi keutamaan menerusi akreditasi *5-Diamond* di bawah kerangka Bandar Rendah Karbon, selain sasaran pengurangan pelepasan karbon sebanyak 45 peratus berbanding pembangunan bandar konvensional.

"(Dan) melalui perancangan koridor hijau, penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan mobiliti mampan, kita mahu memastikan pertumbuhan ekonomi bergerak seiring dengan pemeliharaan alam sekitar," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha membantu komuniti setempat yang terjejas, khususnya golongan nelayan, melalui sokongan mata pencarian, latihan kemahiran, bantuan kewangan dan peluang pendidikan di samping melaksanakan pemuliharaan kawasan pesisir pantai serta ekosistem marin bagi memastikan kesejahteraan generasi akan datang.

Mengulas mengenai potensi ekonomi, beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memberitahu bahawa Pulau Silikon dijangka menyumbang secara signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, selain mewujudkan lebih 220,000 peluang pekerjaan merentasi industri berteknologi tinggi, ekonomi kreatif dan sektor perkhidmatan moden.

• *Sambungan di muka 6.*

Inovasi bomba Pulau Pinang raih dua anugerah

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang meraih pengiktirafan dalam Anugerah Inovasi Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2026 menerusi dua inovasi yang menawarkan penyelesaian praktikal bagi meningkatkan kecekapan operasi anggota bomba.

Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang, **PKPjB Ts. MOHAMAD SHOKI HAMZAH** berkata, kejayaan tersebut dicapai menerusi inovasi yang mengetengahkan penyelesaian praktikal terhadap cabaran yang dihadapi anggota penyelamat ketika menjalankan tugas di lapangan.

Dalam pertandingan tersebut, Kumpulan BM Fighter dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Mertajam muncul johan menerusi projek *Check Point Tracker*.

Sementara itu, BBP Sungai Bakap meraih naib johan menerusi inovasi peralatan pemadaman api yang dikenali sebagai *Water Curtain Adapter* (WACAD).

Menurut Mohamad Shoki, idea membangunkan sistem *Check Point Tracker* tercetus daripada cabaran ketika operasi mencari dan menyelamat (SAR) dijalankan di kawasan rekreasi dan hutan lipur, khususnya apabila pengunjung berdepan kecemasan di kawasan yang mempunyai liputan komunikasi terhad.

"*Check Point Tracker* dibangunkan bagi menangani cabaran kecemasan di kawasan rekreasi, khususnya apabila pengunjung tidak dapat memberikan lokasi yang tepat, liputan komunikasi terhad dan kawasan operasi sukar dikenal pasti dengan cepat," ujarnya ketika ditemu bual wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB**, bersama jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**, di Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan pada 5 Oktober lalu.

Beliau menjelaskan bahawa aplikasi berasaskan teknologi *Progressive Web App* (PWA) itu menggunakan konsep *offline-first* dengan menggabungkan fungsi pengimbasan kod QR, peta luar talian, koordinat GPS bagi setiap titik pemeriksaan, butang kecemasan SOS serta papan pemuka pemantauan pasukan penyelamat.

"Melalui sistem ini, pengunjung dan pasukan penyelamat dapat menggunakan rujukan lokasi yang sama.



MOHAMAD Shoki Hamzah.

"Apabila kecemasan berlaku, maklumat GPS, trek perjalanan dan isyarat SOS akan disalurkan terus ke bilik kawalan bomba, sekali gus membantu pasukan SAR merancang laluan dan bergerak ke lokasi dengan lebih pantas serta terarah," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa bahawa sistem *Check Point Tracker* telah mula dilaksanakan dan diuji secara fizikal di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam sebagai langkah awal sebelum diperluas ke destinasi tumpuan pendaki lain seperti Bukit Bendera dan Taman Negara Pulau Pinang, tertakluk kepada perancangan serta pemantauan Pusat Gerakan Operasi (PGO) JBPM Negeri.



KUMPULAN BM Fighter yang mengetengahkan inovasi keselamatan praktikal menerusi sistem *Check Point Tracker* dan WACAD.

Sementara itu, Mohamad Shoki memberitahu bahawa inovasi WACAD yang dihasilkan oleh BBP Sungai Bakap berpotensi membantu membendung penyebaran api pada peringkat awal kebakaran.

"Peralatan yang ditambah baik dengan sudut kecondongan 45 darjah itu berupaya menghasilkan tabir air yang berfungsi sebagai penghalang bahang dan membantu menyejukkan kawasan sekeliling ketika operasi memadam kebakaran struktur serta kebakaran belukar.

"Peralatan ini dicipta khusus untuk membantu petugas barisan hadapan ketika menangani kebakaran pada peringkat awal.

"Oleh itu, peralatan ini bukan sahaja sesuai digunakan oleh anggota bomba, malah berpotensi dimanfaatkan oleh orang awam dan pasukan penyelamat di premis," jelasnya.

Mohamad Shoki turut melahirkan rasa bangga terhadap nilai praktikal dan potensi inovasi yang dihasilkan oleh anggotanya itu.

"Saya amat teruja apabila melihat keberkesanan dan potensi produk ini.

"Pada pendapat saya, inilah produk pertama seumpamanya yang dihasilkan untuk membantu tugas pemadaman di lapangan," ulasnya lanjut.

Bagi memastikan inovasi tersebut dapat dimanfaatkan secara lebih meluas, beliau berharap agar rakan strategik tampil bekerjasama untuk memperluas penggunaan WACAD di balai bomba terpilih, Pasukan Bomba Sukarela (PBS) serta organisasi keselamatan kebakaran dalam sektor perindustrian.



ANUGERAH Inovasi Menteri yang diraih Kumpulan BM Fighter dari Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Mertajam.



***CHECK Point Tracker* di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam membantu pendaki merekodkan perjalanan dan meningkatkan keselamatan.**

Pelihara warisan

kemuka pencalonan berpotensi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

GEORGE TOWN – Sebanyak tujuh warisan kebudayaan tidak ketara dan enam tapak bersejarah diisytiharkan secara rasmi sebagai Warisan Negeri Pulau Pinang dalam usaha berterusan Kerajaan Negeri memelihara khazanah sejarah, budaya dan identiti masyarakat untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Tujuh warisan kebudayaan tidak ketara yang diisytiharkan adalah Perayaan Teong Guan Phor Thor, Boria, Ghazal Parti, Bangsawan Pulau Pinang, Silat Pelaga: Siku 12, Dondang Sayang Pulau Pinang dan Dialek Hokkien Pulau Pinang.

Sementara itu, enam tapak warisan yang diisytiharkan pula merangkumi Tokong Loo Pun Hong; Stesen Atas, Stesen Bawah dan Landasan Funikular Bukit Bendera Pulau Pinang; Makam Dato Koyah; Tokong Thai Pak Koong (Ng Suk) di Lebuh King; Bangunan Persatuan Fooi Chew; serta Tanah Perkuburan Kwangtung dan Tengchow No. 1.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pengiktirafan di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [Enakmen 14] itu bukan sekadar pengisytiharan rasmi, sebaliknya mencerminkan penghargaan terhadap sejarah dan jati diri masyarakat yang membentuk keunikan negeri ini.

Menurut beliau, pengiktirafan berkenaan merupakan kesinambungan majlis yang berlangsung di Kampung Mengkuang Titi, Seberang Perai Tengah pada 9 Mei lalu, yang menyaksikan 35 item warisan kebudayaan tidak ketara diisytiharkan sebagai Warisan Negeri, manakala 15 tapak ditetapkan sebagai Tapak Warisan.

"Pulau Pinang sememangnya sebuah 'muzium hidup' yang unik.

"Daripada seni bina, kampung tradisional, tapak keagamaan dan landskap budaya, hinggalah kepada bahasa, makanan, seni persembahan dan adat resam, semuanya membentuk wajah serta identiti negeri ini.

"Sebab itu, kita melihat warisan bukan sekadar tinggalan masa lalu, tetapi juga sebagai aset masa depan yang mampu menyumbang kepada sektor pelancongan, ekonomi kreatif, peluang pekerjaan dan kesejahteraan komuniti," ujarnya ketika merasmikan Majlis Pengisytiharan Warisan Negeri dan Penetapan Tapak Warisan Kali Ke-2 Tahun 2026 di sini 10 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Ketua Pengarah merangkap Pesuruhjaya Warisan Negara, Jabatan Warisan Negara, Mohamad Muda Bahadin; Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Wan Nor Sakina Saad; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Haji Zairi Mat Ali; serta Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, Ar. Zalena Abdul Aziz.

Menurut Kon Yeow, pendekatan tersebut selaras dengan aspirasi Visi Penang2030 yang mahu memastikan Pulau Pinang terus maju dan berdaya saing tanpa kehilangan identiti serta keunikan yang menjadi kebanggaan rakyatnya.

Tambah beliau, pengiktirafan itu turut menegaskan bahawa usaha pemeliharaan warisan tidak boleh terhad kepada bangunan dan tapak bersejarah semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi seni persembahan, bahasa, persuratan, adat dan amalan masyarakat.

"Khazanah seperti Silat Siku 12 dan Dondang Sayang perlu terus dihidupkan agar tidak sekadar dikenang sebagai peninggalan masa lalu, tetapi kekal menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat serta dapat diwarisi generasi muda," jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menyatakan bahawa warisan juga perlu diberikan nilai tambah menerusi penganjuran festival, aktiviti *heritage walk,* gastronomi, pendigitalan dan ekonomi kreatif bagi memperluas manfaatnya kepada komuniti setempat.

"Ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pelancong, malah membuka peluang kepada anak muda, penggiat seni dan usahawan tempatan," katanya.



AKSI spontan Ketua Menteri mencuri perhatian dan menceriakan suasana pada Majlis Pengisytiharan Warisan Negeri dan Penetapan Tapak Warisan Kali Kedua Tahun 2026 pada 10 Oktober lalu.

Mengulas potensi sektor pelancongan, Kon Yeow menyatakan bahawa Pulau Pinang terus menunjukkan momentum positif apabila merekodkan 967,742 tetamu hotel antarabangsa pada suku pertama 2026.

"Bagi tempoh Januari hingga Julai 2026 pula, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang merekodkan 2.65 juta pergerakan penumpang antarabangsa, meningkat 11.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Sektor pelancongan kesihatan turut mencatatkan prestasi memberangsangkan apabila merekodkan 285,400 pelancong perubatan bagi separuh pertama 2026, dengan hasil sebanyak RM601.8 juta," ulasnya lanjut.

Menurut beliau, pencapaian itu memperlihatkan kekuatan Pulau Pinang sebagai destinasi antarabangsa yang menggabungkan perkhidmatan perubatan, warisan, budaya, gastronomi dan pengalaman komuniti.

"Selari dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan Visi Penang2030, kita mahu pelancong bukan sekadar datang melihat Pulau Pinang, tetapi mengenali, menghayati dan menghargai identiti negeri ini," katanya.

Kon Yeow turut menegaskan bahawa usaha pemeliharaan warisan perlu diperluas ke seluruh negeri, termasuk Seberang Perai yang mempunyai sejarah dan khazanah tersendiri untuk diketengahkan demi manfaat bersama.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terus komited memelihara dan memartabatkan warisan Pulau Pinang, selain menyeru masyarakat supaya memberikan sokongan berterusan bagi memastikan khazanah berkenaan kekal terpelihara.

"Kerana warisan bukan sekadar sejarah yang kita tinggalkan, tetapi identiti yang kita hidupkan dan amanah yang kita wariskan," ujarnya.

Sementara itu, Hon Wai memberitahu bahawa pengisytiharan tersebut menjadikan jumlah keseluruhan warisan negeri Pulau Pinang sebanyak 63 item.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 14 item merupakan warisan kebudayaan tidak ketara; item dikategorikan sebagai makam warisan (28) manakala tapak warisan (21).

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa usaha mengenal pasti dan mengangkat khazanah warisan negeri akan diteruskan menerusi gerak kerja Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang bagi mengenal pasti lebih banyak warisan kebudayaan dan warisan semula jadi yang berpotensi untuk diisytiharkan pada masa hadapan.

Sehubungan itu, Hon Wai menyeru masyarakat supaya turut memainkan peranan dengan mengemukakan pencalonan serta menyalurkan maklumat berkaitan warisan yang berpotensi untuk dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam enakmen berkenaan.

"Usaha mengangkat, memelihara dan memulihara warisan bukan tanggungjawab Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri semata-mata.

"Sebaliknya, ia (usaha ini) memerlukan komitmen bersama semua pihak, termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penggiat industri dan masyarakat awam.

"Warisan kita adalah identiti kita," jelasnya.

• *Rujuk juga muka 4.*



KOLEKSI busana dan tekstil tradisional yang mencerminkan keunikan seni, budaya dan warisan masyarakat Baba Nyonya Pulau Pinang.


KOLEKSI alat muzik tradisional yang memaparkan warisan seni dan budaya Ghazal Parti.

Pencalonan Warisan Negeri

terbuka kepada semua, dokumentasi lengkap

PEWARTAAN warisan, sama ada warisan ketara mahupun tidak ketara, penting bagi memastikan khazanah negeri terus terpelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, **AR. ZALENA ABDUL AZIZ** berkata, proses pewartaan melibatkan beberapa peringkat, termasuk pencalonan, pengesahan dokumentasi, penilaian jawatankuasa pakar, pengesahan Majlis Warisan Negeri serta kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) sebelum sesuatu warisan dapat diwartakan secara rasmi.

"Pencalonan boleh dikemukakan oleh mana-mana pihak menerusi borang yang disediakan di laman sesawang Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang.



AR. Zalena Abdul Aziz.

"Walau bagaimanapun, dokumentasi yang lengkap amat penting bagi menyokong permohonan.

"Bagi warisan tidak ketara seperti seni persembahan, adat dan makanan tradisional, kita amat menggalakkan penggiat atau komuniti yang terlibat mengemukakan pencalonan kerana mereka lebih memahami sejarah, amalan serta kepentingan warisan berkenaan.

"Dokumentasi seperti gambar, bahan sejarah dan buku berkaitan juga amat membantu proses penilaian," katanya ketika ditemu bual wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI**, bersama-sama jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** di Komtar pada 9 Oktober lalu.

Menurut Zalena, setiap pencalonan akan disalurkan kepada jawatankuasa berkaitan mengikut kategori, termasuk warisan ketara, warisan tidak ketara dan arkeologi, untuk dinilai oleh pakar yang dilantik daripada institusi akademik serta badan profesional.

"Bagi pencalonan bangunan warisan, antara perkara penting yang perlu dipenuhi adalah mendapatkan persetujuan pemilik bangunan dan pemilik tanah, selain memastikan dokumen sokongan lengkap.

"Proses ini bukan sekadar mengemukakan borang dan terus mendapat kelulusan.

"Kita perlu membuat pengesahan pada peringkat pejabat, mendapatkan pandangan teknikal daripada jabatan berkaitan serta memastikan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat.

"Selepas mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, permohonan itu akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan perundangan sebelum proses pewartaan dapat diteruskan," jelasnya.

Terdahulu, dalam sidang media pada 3 September lalu, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai memaklumkan bahawa usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan di Pulau Pinang pada 2026 menunjukkan perkembangan positif apabila sebanyak 57 item telah diwartakan sebagai Warisan Negeri di bawah Seksyen 16 Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14).

Menurutnya, jumlah tersebut merangkumi 15 tapak bersejarah, 28 item makanan dan tujuh item warisan tidak ketara yang telah diumumkan sebelum ini, selain pewartaan terbaharu yang menjadikan keseluruhan sebanyak 57 item.

Cabaran pemilikan tanah, penyelenggaraan

Mengulas usaha mengenal pasti bangunan yang berpotensi diiktiraf sebagai warisan negeri, Zalena menyatakan bahawa bahawa pihaknya mempunyai senarai bangunan yang berpotensi dan sedang menjalankan inventori lanjut serta pengesahan maklumat.

Walau bagaimanapun, beliau memberitahu bahawa usaha berkenaan berdepan beberapa cabaran, khususnya berkaitan status pemilikan tanah, kesukaran menghubungi pemilik serta pengubahsuaian bangunan yang menyebabkan struktur asalnya berubah.

Beliau mengambil contoh Kampung Melayu Lama Air Itam yang mempunyai nilai sejarah dan budaya, termasuk rumah suluk yang dikaitkan dengan perkembangan awal pengajian agama serta Makam Sheikh Omar.

"Usaha pencalonan kawasan itu memerlukan penglibatan pemilik tanah dan bangunan.

"Namun, terdapat hartanah yang masih didaftarkan atas nama pemilik terdahulu atau mempunyai urusan pemilikan yang belum diselesaikan.

"Antara cabaran utama adalah urusan pemilikan tanah yang belum disempurnakan, pemilik yang menetap di luar kawasan serta kesukaran mendapatkan persetujuan semua pihak berkaitan.



MASJID Kapitan Keling antara bangunan bersejarah yang diwartakan sebagai warisan negeri.

"Selain itu, ada bangunan yang telah diubah suai sehingga ciri seni binanya tidak lagi berada dalam keadaan asal.

"Dalam keadaan sedemikian, penilaian turut mengambil kira aspek lain seperti nilai sosial, budaya dan sosioekonomi, bukan seni bina semata-mata," jelasnya lanjut.

Tanggungjawab penyelenggaraan di bahu pemilik

Dalam perkembangan berkaitan, Zalena memaklumkan bahawa tanggungjawab utama untuk memastikan bangunan warisan berada dalam keadaan baik terletak pada pemiliknya, manakala Kerajaan Negeri membantu mengikut kemampuan dan sumber kewangan yang tersedia.

Tambah beliau, kerja penyelenggaraan bangunan warisan boleh melibatkan kos yang tinggi.

"Oleh itu, peruntukan yang tersedia perlu diuruskan dengan teliti mengikut keperluan dan tahap kerosakan setiap bangunan.

"Apabila sesebuah bangunan diiktiraf sebagai warisan, itu tidak bermakna semua kos penyelenggaraannya ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

"Tanggungjawab pemilik untuk menjaga bangunan tersebut tetap perlu diberi perhatian.

"Kita akan membantu setakat yang mampu, termasuk berusaha mendapatkan sumber kewangan daripada agensi berkaitan bagi melaksanakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan," ulasnya.

Mengulas lanjut, Zalena berkata bahawa kerjasama antara pemilik bangunan, komuniti, agensi kerajaan dan badan profesional amat penting bagi memastikan warisan negeri terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Jelas beliau, usaha pewartaan juga perlu disusuli dengan pendokumentasian dan aktiviti pengenalan kepada masyarakat supaya nilai sejarah serta kepentingan sesuatu warisan dapat difahami dengan lebih meluas.

"Jadi, saya ingin menggalakkan orang ramai dan komuniti yang mempunyai maklumat mengenai bangunan, seni persembahan, adat resam serta warisan tradisional yang berpotensi diiktiraf sebagai Warisan Negeri supaya mengemukakan pencalonan berserta dokumentasi sokongan yang lengkap," serunya.



RUMAH Syed Al-Attas di Jalan Armenian merupakan antara bangunan warisan yang mencerminkan seni bina dan sejarah masyarakat Melayu Pulau Pinang.

PIFA gilap bakat muda bola sepak



PASUKAN juara menjulang piala kemenangan sambil meraikan kejayaan mengungguli kejohanan *Sivam Cup U17.*

USAHA mencungkil bakat baharu dalam sukan bola sepak terus menjadi keutamaan Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang (PIFA) menerusi penganjuran kejohanan Sivam Cup Bawah 17 Tahun (U17) yang memasuki edisi keempat tahun ini.

Naib Presiden PIFA, **HAYDRIAAN DASS**, 40, berkata bahawa kejohanan yang berlangsung pada 3 Oktober lalu itu bukan sekadar medan persaingan, malah menjadi platform untuk pemain muda mengasah kemahiran dan menyerlahkan potensi masing-masing.

Menurut beliau, penyertaan 16 pasukan dalam kejohanan berkenaan mencerminkan komitmen PIFA dalam menyediakan ruang pembangunan bakat bola sepak, khususnya dalam kalangan pemain kelab gabungan persatuan itu di seluruh Pulau Pinang.

"Pada tahun ini, kita membuka penyertaan kepada kelab gabungan PIFA, selain menyediakan tiga slot kepada pasukan luar termasuk dari Kedah dan Perak.

"Matlamat kita adalah untuk memberi peluang kepada pemain muda mempamerkan kemampuan masing-masing, di samping membolehkan jurulatih dan pencari bakat mengenal pasti pemain berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi," katanya ketika diwawancara wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** pada 2 Oktober 2026.

Haydriaan menjelaskan bahawa kejohanan tersebut turut menjadi sebahagian daripada usaha menyediakan laluan pembangunan kerjaya pemain, termasuk peluang mewakili pasukan negeri serta skuad Bawah 21 Tahun (U21) dan Bawah 23 Tahun (U23) sebelum melangkah ke peringkat kebangsaan.

"Setiap tahun, kita dapat melihat peningkatan dari segi kualiti penganjuran kejohanan dan prestasi pemain.

"Saya amat berpuas hati dengan perkembangan ini kerana matlamat utama kita adalah untuk membantu pemain muda meningkatkan kemahiran, disiplin dan keyakinan diri.

"Jika setiap tahun ada seorang pemain yang berjaya melangkah ke pasukan negeri atau kebangsaan, itu sudah memberikan kepuasan besar kepada kita," ujarnya.

Antara pencapaian yang membanggakan PIFA adalah kejayaan pemain kelahiran Perak, Moses Raj, yang pernah dinobatkan sebagai pemain terbaik kejohanan sebelum mendapat peluang beraksi di Johor dan seterusnya mewakili skuad Malaysia Bawah 19 Tahun (U19).

Menurut Haydriaan, pencapaian tersebut membuktikan bahawa kejohanan seumpama itu berupaya menjadi batu loncatan kepada pemain muda untuk mengembangkan bakat dan kerjaya dalam arena bola sepak.

"Apabila melihat pemain yang pernah beraksi dalam kejohanan anjuran kita berjaya melangkah lebih jauh, ia memberikan motivasi kepada PIFA untuk meneruskan usaha ini.

"Kita mahu lebih ramai pemain mendapat peluang yang sama," tambahnya.

Mengulas mengenai pembangunan bola sepak pada peringkat akar umbi, Haydriaan memaklumkan bahawa PIFA turut memberikan perhatian kepada pemain Bawah 12 Tahun (U12) menerusi penganjuran kejohanan melibatkan sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, beliau memberitahu bahawa bagi kategori U17, tumpuan lebih diberikan kepada pemain yang mewakili kelab dan akademi bola sepak sebagai persediaan menghadapi persaingan pada peringkat lebih tinggi.

Dalam usaha memperkukuh penganjuran kejohanan, beliau mengakui bahawa PIFA berdepan beberapa cabaran, termasuk kesukaran mendapatkan padang yang sesuai serta kekurangan pengadil dan jurulatih.

"Penganjuran kejohanan juga melibatkan kos, termasuk penyediaan hadiah wang tunai kepada pasukan yang menang.

"Namun, kita tidak mengenakan yuran penyertaan kerana mahu memberi peluang kepada pemain untuk bertanding.

"Oleh itu, sokongan penaja amat penting dan bagi Sivam Cup tahun ini, *Sivam Catering* tampil sebagai penaja utama," jelasnya.

Selain memberi tumpuan kepada pembangunan bakat muda, PIFA turut menganjurkan *PIFA Open Challenge* yang terbuka kepada pemain berusia 18 tahun ke atas tanpa had umur maksimum.

Mengulas lanjut, Haydriaan menyatakan bahawa pertandingan tersebut memberi peluang kepada pemain berpengalaman untuk terus aktif dalam sukan bola sepak, di samping membantu pasukan tempatan memperkukuh semangat berpasukan serta membuat persediaan menghadapi saingan liga.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut memaklumkan bahawa PIFA merancang untuk menganjurkan kejohanan *Veteran Masters* bagi pemain berusia 50 tahun ke atas pada November ini.

"PIFA akan terus komited memperkukuh program pembangunan bola sepak dengan menyediakan peluang kepada pemain daripada pelbagai peringkat umur untuk bergiat aktif dalam sukan ini.

"Kita berharap penganjuran pelbagai kejohanan pada masa hadapan dapat terus merancakkan pembangunan bola sepak di Pulau Pinang, sekali gus melahirkan lebih ramai pemain berbakat yang mampu melangkah ke peringkat lebih tinggi," katanya mengakhiri wawancara.



ANTARA pemain yang mempamerkan aksi cemerlang sepanjang kejohanan.



AKSI lincah di hadapan gawang yang sempat dirakam sepanjang kejohanan *Sivam Cup U17* baru-baru ini.

Realisasikan visi masa depan

• *Sambungan dari muka 1.*

Mengimbas perjalanan projek tersebut, Kon Yeow menyifatkan pencapaian terkini itu sebagai detik membanggakan buat semua pihak yang terlibat dalam kerja-kerja penambakan, meskipun projek berkenaan berdepan pelbagai cabaran alam sekitar, sosial dan perundangan.

Tegasnya, Kerajaan Negeri kekal komited meneruskan pembangunan tersebut berdasarkan manfaat jangka panjang yang bakal dinikmati bukan sahaja oleh Pulau Pinang, malah negara secara keseluruhannya.

Beliau turut berkongsi bahawa lawatan tersebut merupakan pengalaman pertamanya ke Pulau Silikon menggunakan kenderaan pacuan empat, selepas beberapa kali mengunjungi tapak pembangunan berkenaan dengan menaiki bot sebelum ini.

"Dengan pembukaan Pusat Informasi Silicon Island, pintu kini terbuka.

"Marilah kita sama-sama menyaksikan sendiri pembangunan ini dan bersama-sama membina masa depan Pulau Pinang," katanya sambil mengalu-alukan kehadiran rakan antarabangsa serta pelabur untuk meneroka potensi pembangunan berkenaan.



KETUA Menteri bersama barisan Exco dan kenamaan merakamkan foto kenangan ketika mengadakan lawatan ke tapak pembangunan Pulau Silikon baru-baru ini.

Sementara itu, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari menyatakan bahawa pusat tersebut berperanan merapatkan jurang antara pelan induk projek dengan pembangunan fizikal di tapak, sekali gus menyediakan maklumat yang jelas dan telus kepada pelabur, peneraju industri, pihak berkepentingan tempatan serta orang ramai.

Menurutnya, pusat tersebut menghimpunkan visi jangka panjang projek, perancangan infrastruktur dan rangka kerja mobiliti awam di bawah satu bumbung bagi membantu pengunjung memahami integrasi antara komponen perindustrian, kediaman, komersial dan rekreasi.

Pada masa sama, Zairil juga menekankan kepentingan projek *Pan Island Link 2A* (PIL2A), khususnya jambatan yang menghubungkan Permatang Damar Laut secara terus ke Pulau Silikon, sebagai komponen penting dalam rangkaian perhubungan dan logistik pembangunan berkenaan.

Susulan lawatan kerja ke tapak pembinaan PIL2A baru-baru ini, beliau memberitahu bahawa pelaksanaan projek tersebut berjalan dengan baik, manakala asas rangkaian pengangkutan Pulau Silikon kini mula dibentuk.

"Komitmen Kerajaan Negeri bukan sekadar membina jalan raya dan jambatan, tetapi turut merangkumi penyediaan rangkaian pengangkutan mampan, sistem pengurusan trafik pintar, laluan pejalan kaki dan basikal yang bersepadu serta infrastruktur digital yang berdaya tahan," ujarnya.

Tambah beliau, kerjasama berterusan antara Kerajaan Negeri, PICSB, SIDSB dan rakan pelaksana projek amat penting bagi memastikan pelaksanaan projek mematuhi piawaian yang ditetapkan, selain mengekalkan komunikasi dengan komuniti tempatan sepanjang tempoh pembinaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pegawai Eksekutif PICSB, Dato' Seri Farizan Darus berkata bahawa Pusat Informasi Silicon Island berkeluasan 2,500 kaki persegi dan mempunyai satu tingkat itu berjaya disiapkan dalam tempoh empat bulan dengan kos RM2.5 juta.

Beliau menyatakan bahawa pusat tersebut direka untuk menterjemahkan pelan teknikal yang kompleks kepada persembahan pelan induk yang lebih interaktif, menerusi model berskala berteknologi diod pemancar cahaya (LED) canggih yang dikawal menggunakan iPad.

TAMAN SIMPANG EMPAT

SIMPANG AMPAT, PENANG | HAK MILIK KEKAL

RUMAH TERES 2 TINGKAT

4 Bilik Tidur+
3 Bilik Air

Hanya 15-20 Minit Sahaja ke Batu Kawan & Jambatan Kedua Pulau Pinang.



Saiz Lot Unit Hujung:
dari 20 kaki x 60 kaki /
20 kaki x 78.2 kaki

Saiz Lot Unit Tengah:
dari 20~20.1 kaki x
72.3~73.3 kaki /
21 kaki x 60 kaki

Harga Minima
RM 647,794.00*

Harga Maksima
RM 750,394.00*

Unit Bumiputera kini dibuka untuk jualan dengan rebat 5%

*Harga bersih selepas Bumiputera rebat

Untuk keterangan yang selanjutnya, sila hubungi kami di talian:

04-506 9333
010-833 9119


atau emel:
guhdevelopment@guh.com.my

GUH

Pemaju:
GUH Development Sdn. Bhd. (198901011135 (188437-M))
Plot 1240 & 1241, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas,
Fasa 3, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Jenis Hakmilik: Hakmilik Kekal • No. Lesen Pemaju: 6718/06-2027/0124 (R) • Tempoh Sah: 18/06/2003-17/06/2027 •
No. Permit Iklan & Jualan: 6718-4/05-2027/0365 (N)-(L) • Tempoh Sah: 09/05/2025-08/05/2027 •
Pihak Berkuasa meluluskan Pelan: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-75/90 •
Tarikh Dijangka Siap: 10/2026 • Tarikh Pelan Bangunan diluluskan: 15/05/2024 •
Jumlah Unit: 61 units • Harga Jualan: RM647,794 (minima) - RM956,888 (maksima)

Lebih seabad di Jalan Penang pertahan legasi



PREMIS Pitchay Gunny di Jalan Penang terus mengekalkan legasi perniagaan keluarga yang diasaskan pada tahun 1900.

BEROPERASI sejak 1900, kedai pakaian Pitchay Gunny di Jalan Penang terus mempertahankan legasi perniagaan keluarga yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

Bermula sebagai kedai yang menawarkan pelbagai barangan import dari England, perniagaan bersejarah itu melalui pelbagai perubahan zaman sebelum memberikan tumpuan kepada penjualan pakaian lelaki sekitar era 1960-an.

Pewaris generasi keempat, **SYED AHAMED MOHAMED GHANI**, 62, berkata bahawa perniagaan itu diasaskan oleh moyangnya, Pitchay Gunny, sebelum diwarisi oleh datuknya, Mohamed Abu Bakar, dan kemudian bapanya.

Menurut beliau, pada peringkat awal, premis tersebut menawarkan pelbagai barangan buatan England, termasuk sikat, gunting, kasut, payung dan paip rokok yang menjadi pilihan pelanggan ketika itu.

Menariknya, nama Pitchay Gunny diambil daripada nama pengasasnya sendiri, manakala asal usul ejaan 'Gunny' yang dikaitkan dengan nama 'Ghani' turut menjadi sebahagian daripada sejarah perniagaan keluarga itu.

"Dahulu, kalau orang hendak mencari barangan buatan England, mereka boleh mendapatkannya di sini.

"Pelbagai jenis barangan dijual dan pelanggan daripada golongan berada juga datang membeli-belah di kedai ini," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar **LAW SUUN TING**, di premis perniagaan itu di Jalan Penang pada 13 Oktober lalu.

Mengimbau perjalanan perniagaan tersebut, Syed Ahamed menyatakan bahawa kedai berkenaan turut melalui tempoh sukar ketika Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, yang menjejaskan operasi serta bekalan barangan import.

Selepas mengambil alih perniagaan daripada bapanya yang meninggal dunia akibat kemalangan pada 1991, beliau meneruskan operasi kedai itu demi memastikan legasi keluarga terus bertahan.

"Saya mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang kejuruteraan, tetapi memilih untuk tidak bekerja dalam bidang tersebut demi meneruskan legasi perniagaan keluarga.

"Walaupun saya belajar kejuruteraan, bapa berpesan supaya saya menjaga perniagaan keluarga.

"Jadi, saya memilih untuk menceburi bidang perniagaan dan meneruskannya sehingga hari ini.

"Alhamdulillah, sekarang anak saya pula sudah menyertai perniagaan ini dan dia merupakan generasi kelima yang meneruskan legasi keluarga," kongsinya.

Syed Ahamed turut mengusahakan perniagaan tukaran wang asing, selain beberapa perniagaan lain bersama keluarganya.

Tambah beliau, premis Pitchay Gunny di Jalan Penang mempunyai nilai sentimental tersendiri kerana menjadi sebahagian daripada perjalanan panjang perniagaan keluarga itu.

"Sebelum ini, perniagaan tersebut juga pernah mempunyai lokasi operasi lain, termasuk di Komtar dan Kompleks Bukit Jambul," jelasnya.



DENIM antara barangan popular dalam kalangan pelanggan yang membeli-belah di Pitchay Gunny sejak turun temurun.

Kekalkan pelanggan setia

Mengulas mengenai sambutan pelanggan, Syed Ahamed memberitahu bahawa Pitchay Gunny masih mempunyai pelanggan setia dari pelbagai negeri, termasuk Johor dan Kedah, selain pelanggan dari Singapura yang terus berkunjung ke premis itu ketika berada di Pulau Pinang.

"Sebahagian pelanggan yang datang juga pernah menetap di Pulau Pinang kini bekerja di Kuala Lumpur dan Johor, mereka masih menjadikan kedai ini sebagai destinasi membeli-belah apabila pulang bercuti atau menyambut perayaan.

"Mereka suka datang sendiri, mencuba pakaian dan memilih beberapa helai pakaian dalam satu kunjungan," ujarnya.

Beliau memberitahu bahawa kira-kira 70 peratus pelanggannya terdiri daripada masyarakat Melayu yang mencari pakaian berjenama dan berkualiti. Selebihnya ialah pelanggan daripada masyarakat India dan Cina serta pelancong asing.

Difahamkan, selain pakaian lelaki seperti seluar panjang, seluar pendek, kemeja, kemeja-T dan kasut, kedai itu turut menawarkan pelbagai aksesori, termasuk tali pinggang dan pakaian dalam lelaki.

Dengan kira-kira 10 jenama ditawarkan, Pitchay Gunny memberikan tumpuan kepada pakaian berkualiti bagi memenuhi permintaan pelanggan yang mementingkan mutu dan pilihan produk.

"Kami pernah mencuba jualan dalam talian ketika pandemik COVID-19, namun pelanggan masih cenderung mengunjungi kedai secara fizikal untuk mencuba pakaian sebelum membuat pembelian," katanya.

Berdepan cabaran kos, tenaga kerja

Mengakui landskap perniagaan runcit semakin mencabar, Syed Ahamed menjelaskan bahawa peningkatan kos operasi dan kesukaran mendapatkan pekerja merupakan antara cabaran utama yang perlu dihadapi.

Menurut beliau, kedai pakaian tradisional yang beroperasi di premis


SELAIN pakaian, Pitchay Gunny turut menjual beraneka sepatu dengan pelbagai jenama.

jalanan semakin berkurangan apabila lebih banyak perniagaan memilih untuk beroperasi di pusat beli-belah.

"Cabaran memang banyak, terutama apabila kos semakin meningkat dan sukar mendapatkan pekerja.

"Perniagaan seperti ini memerlukan pekerja yang sanggup bekerja dalam tempoh yang panjang, tetapi perkara itu semakin sukar sekarang.

"Sebab itu, buat masa ini saya memilih untuk mengekalkan operasi di lokasi sedia ada kerana lebih mudah untuk diuruskan," ulasnya lanjut.

Tambah beliau, Pitchay Gunny kini mempunyai kira-kira lima pekerja, selain dibantu ahli keluarga dalam menguruskan perniagaan.

Pada masa sama, beliau turut mengusahakan perniagaan butik abaya bersama isterinya.

Mengulas mengenai perancangan masa depan, Syed Ahamed menyatakan bahawa beliau menyerahkan hala tuju pengembangan perniagaan kepada anaknya yang kini mula terlibat secara langsung dalam operasi syarikat.

Beliau berharap penyertaan generasi kelima itu dapat memastikan warisan Pitchay Gunny terus bertahan dan kekal relevan dalam landskap perniagaan yang sentiasa berubah.

Baginya, kelangsungan perniagaan keluarga itu bukan sekadar soal jual beli, sebaliknya merupakan tanggungjawab untuk memelihara legasi yang dibina sejak lebih satu abad lalu.

Transformasi digital kecekapan perkhidmatan jadi ukuran



BARISAN ahli Kumpulan Speedy Squad 1 yang dinobatkan sebagai johan #ProjekInisiatifRKB-AI menerusi inovasi penyediaan laporan pemantauan ulasan agensi teknikal yuang dipertingkatkan.

PENGGUNAAN kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan awam bukan lagi sekadar pilihan untuk mengikuti perkembangan teknologi, sebaliknya menjadi pemangkin penting bagi mempercepat urusan, meningkatkan produktiviti dan menyampaikan perkhidmatan yang lebih cekap kepada rakyat.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) membuktikan potensi tersebut apabila penggunaan AI dalam proses tertentu, termasuk semakan ulasan pelan pembangunan, berupaya memendekkan tempoh kerja daripada sehingga dua hari kepada kira-kira lima minit.

Datuk Bandar MBSP, **DATO' BADERUL AMIN ABDUL HAMID** berkata, perkembangan itu mencerminkan potensi besar AI dalam mereformasi sistem penyampaian perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT), khususnya apabila teknologi berkenaan disesuaikan dengan keperluan sebenar jabatan.

Menurut beliau, MBSP berbangga dengan kejayaan Kumpulan Speedy Squad 1 daripada Unit Pusat Setempat (OSC) yang dinobatkan sebagai johan pertandingan Projek Inisiatif AI-RKB sempena Konvensyen Reformasi Perkhidmatan Awam @Pulau Pinang 2026 pada 23 September lalu.

Konvensyen anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu bertemakan 'AI Memacu Reformasi Perkhidmatan Awam', sekali gus memperlihatkan komitmen untuk meneroka pendekatan baharu bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran.



BADERUL Amin Abdul Hamid.

"Sudah tentu kita berasa bangga dengan kejayaan ini.

"Bagi saya, perkara paling penting adalah bagaimana teknologi yang digunakan dapat membantu mempercepat proses kerja dan memberikan manfaat sebenar kepada masyarakat.

"Dalam perkhidmatan kerajaan, orang ramai mahukan urusan yang cepat dan tidak mahu menunggu terlalu lama untuk mendapatkan keputusan atau menyelesaikan sesuatu permohonan," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** ketika ditemui sempena wawancara khas dekat pejabatnya di Menara bandaraya MBSP pada 9 Oktober lalu.

AI bukan sekadar teknologi

Baderul Amin menyatakan bahawa penggunaan AI di MBSP semakin berkembang, termasuk bagi membantu pegawai menyediakan bahan pembentangan, menterjemah kandungan dan menyampaikan taklimat dalam pelbagai bahasa.

Tambah beliau, pengalaman tersebut menunjukkan bahawa teknologi berkenaan bukan sahaja membantu menjimatkan masa penyediaan tugasan, malah meningkatkan keyakinan pegawai ketika menyampaikan maklumat kepada pelbagai kumpulan sasaran.

"Lebih signifikan, Jabatan Bangunan MBSP turut mula memanfaatkan *ChatGPT* sebagai rakan kerja bagi membantu proses semakan lukisan teknikal dan pelan pembangunan.

"Melalui pendekatan ini, proses tertentu yang sebelum ini memerlukan penelitian secara manual dan mengambil masa yang panjang dapat dilaksanakan dengan lebih pantas, sekali gus membolehkan pegawai menumpukan perhatian kepada tugasan yang memerlukan pertimbangan profesional," jelasnya.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa penggunaan AI tidak bermaksud keseluruhan proses membuat keputusan boleh diserahkan kepada mesin semata-mata.



PIALA dan sijil penghargaan yang diraih Unit OSC MBSP selaku johan Pertandingan Projek Inisiatif AI-RKB sempena Konvensyen Reformasi Perkhidmatan Awam @Pulau Pinang 2026 baru-baru ini.

Sebaliknya, beliau menyatakan bahawa teknologi itu perlu berfungsi sebagai alat sokongan untuk meningkatkan keupayaan pegawai, manakala pengesahan maklumat dan keputusan yang memerlukan pertimbangan manusia kekal sebagai elemen penting dalam pentadbiran.

"AI boleh membantu kita mempercepat kerja, tetapi kita mesti tahu cara menggunakannya.

"Kita juga perlu memastikan maklumat yang dihasilkan tepat dan bersesuaian sebelum sesuatu keputusan dibuat," ujarnya.

Baderul Amin memberitahu bahawa MBSP menyasarkan transformasi digital meliputi kira-kira 70 hingga 80 peratus proses kerja yang sesuai diautomatikkan, manakala urusan yang memerlukan penelitian, pertimbangan teknikal dan keputusan profesional akan terus melibatkan pegawai berkaitan.

Kos minimum, impak maksimum

Dalam usaha memperluas penggunaan AI, Baderul Amin berkata, MBSP tidak menjadikan kecanggihan teknologi atau kos pembangunan sistem sebagai ukuran utama kejayaan.

Sebaliknya, tegas beliau, pemilihan teknologi perlu berdasarkan masalah yang ingin diselesaikan, kemampuan kewangan organisasi serta manfaat yang dapat dinikmati rakyat.

Beliau memberikan contoh penggunaan sistem pengecaman kenderaan dan nombor pendaftaran bagi memantau pergerakan lori serta menyemak rekod pembayaran di kawasan perindustrian Perai.

Menurut beliau, sistem yang dibangunkan dengan kos yang relatif rendah itu membantu meningkatkan hasil kutipan daripada sekitar RM700 setahun kepada RM17,000 pada bulan pelaksanaannya, sebelum mencecah kira-kira RM500,000 pada 2024.

Menurut beliau, sistem yang dibangunkan dengan kos yang relatif rendah itu membantu meningkatkan hasil kutipan daripada sekitar RM700 setahun kepada RM17,000 pada bulan pelaksanaannya, sebelum mencecah kira-kira RM500,000 pada 2024.

"Peningkatan tersebut memperlihatkan potensi penggunaan teknologi yang bersesuaian untuk memperkukuh pemantauan, meningkatkan pematuhan dan mengoptimumkan hasil tanpa bergantung sepenuhnya pada sistem yang mahal atau kompleks.

"Teknologi yang baik bukan semestinya teknologi yang paling canggih atau paling mahal.

"Kita perlu melihat masalah yang hendak diselesaikan dan sama ada teknologi itu benar-benar memberikan hasil.

"Prinsip kita adalah menggunakan teknologi dengan kos yang munasabah tetapi menghasilkan impak yang maksimum," katanya.

Malah, jelasnya lagi, pendekatan tersebut penting bagi memastikan pelaburan dalam transformasi digital memberikan pulangan yang jelas, khususnya ketika PBT perlu mengimbangi keperluan pembangunan, penyelenggaraan infrastruktur dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Kesan masalah lebih awal

Selain mempercepatkan urusan pentadbiran, Baderul Amin menjelaskan bahawa MBSP turut meneroka penggunaan teknologi untuk mengesan masalah lebih awal, sebelum aduan diterima daripada orang awam.

Kongsi beliau, antara usaha yang diterokai termasuk penggunaan kamera untuk mengesan lubang jalan, sekali gus membolehkan tindakan pembaikan dirancang berdasarkan maklumat yang diperoleh.

"Pendekatan ini berpotensi mengubah kaedah penyelenggaraan konvensional yang banyak bergantung pada aduan kepada sistem pemantauan yang lebih proaktif dan berasaskan data," ujarnya.

Dalam aspek kawal selia pembangunan pula, beliau berkata, MBSP sedang meneroka penggunaan imej satelit dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bagi mengesan perubahan pembangunan yang berpotensi melanggar peraturan.

Teknologi kamera pintar juga katanya, berpotensi diperluas untuk memantau keadaan persekitaran, termasuk mengenal pasti pokok atau halangan yang memerlukan perhatian dan tindakan pihak berkuasa.

Difahamkan, pada masa sama, MBSP sedang meneroka kemungkinan mengintegrasikan proses pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dengan pelesenan berkaitan bagi mengurangkan pertindihan proses serta mempercepat urusan pihak berkepentingan.

Menurut Baderul Amin, penggunaan teknologi untuk mengesan masalah lebih awal membolehkan MBSP merancang tindakan dengan lebih sistematik.

Walau bagaimanapun, keupayaan melaksanakan tindakan susulan tetap bergantung pada ketersediaan peruntukan kewangan dan sumber manusia.

Hal ini bermakna, teknologi bukan sahaja perlu berupaya mengesan masalah, malah mesti disokong oleh mekanisme tindakan yang membolehkan masalah berkenaan diselesaikan dengan berkesan.

Cabaran perkongsian data antara agensi

Walaupun AI menawarkan pelbagai peluang, Baderul Amin memberitahu bahawa antara cabaran terbesar dalam pelaksanaannya bukan semata-mata berkaitan ketiadaan teknologi, tetapi juga kesukaran menghubungkan sistem dan berkongsi data antara jabatan serta agensi kerajaan.

Sebagai contoh, beliau memberitahu bahawa kamera berasaskan AI mungkin dapat mengesan lori yang melanggar sekatan laluan, namun tindakan penguatkuasaan memerlukan maklumat pemilik kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), selain kerjasama polis dan pematuhan kepada bidang kuasa undang-undang berkaitan.

